



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI BANDARAN KANAN (B.3)
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI BANDARAN KANAN
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran sebagai Pegawai Bandaran atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab terus kepada Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan bagi perkara-perkara yang diarahkan dari semasa ke semasa;
2. Merancang pelaksanaan Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan;
3. Meneliti dan memantau keperluan polisi dan perundangan yang berkaitan;



4. Menyelaras perancangan dan pelaksanaan projek dan program yang dilaksanakan oleh Bahagian Percukaian dan Bahagian Perekonomian;
5. Menyediakan dan menyelaras bagi penyediaan laporan dan pelan tindakan ke atas projek dan program yang berkaitan;
6. Merancang dan memantau pelaksanaan prosedur kutipan hasil semasa dan tunggakan hasil mengikut Perundangan dan Peraturan Kewangan;
7. Merancang dan menyelaras usaha bagi meningkatkan hasil semasa serta mengurangkan tunggakan hasil;
8. Merancang dan menyelaras bagi tindakan penguatkuasaan tunggakan hasil; dan
9. Menyediakan dan menyelaras bagi penyediaan laporan dan pelan tindakan yang berkaitan dengan hasil semasa dan tunggakan hasil Jabatan bagi persediaan laporan kepada Audit, Jawatankuasa, *Taskforce* di peringkat Kementerian dan Jabatan.